

BAB V

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 –KESIMPULAN

Kajian ini menyentuh tentang sejarah perkembangan ajaran sesat serta penyimpangan-penyimpangan yang berlaku. Lantaran itu ianya mempunyai beberapa konsekwensi, iaitu;

Ajaran sesat telah lama berkembang ke segenap ceruk bersama kegiatan pengajaran Islam. Telah sekian lama ianya berselindung di sebalik kesucian ajaran Islam bagi menarik perhatian masyarakat Islam.

Ajaran sesat dalam konteks yang terdapat di Hulu Besut menunjukkan suatu perkembangan yang terus berlaku sejak tahun 80-an lagi. Ianya terus aktif bergerak dengan melakukan aktiviti-aktiviti dan pengajaran mereka. Ianya terus bertapak kukuh dengan sokongan pengikutnya yang terdiri dari berbagai golongan samada korporat, intelektual dan sebagainya.

Walau pun pengaruhnya tidak kelihatan di kalangan masyarakat setempat, namun ianya mendapat sambutan daripada mereka yang berasal dan datang dari pantai Barat Semenanjung Malaysia seperti Perak, Kedah, Selangor dan sebagainya.

Ajaran yang terkandung jelas memperlihatkan percanggahan dengan a^oqidah dan syari^oat Islam. Banyak dakwaan-dakwaan karut yang sengaja diadakan bagi mengangkat martabat guru yang jahil tentang agama. Mereka tidak menghiraukan batas-batas iman dan kufur kerana sanggup mengambil ayat-ayat al-Quran secara rambang tanpa mengetahui bacaan, pengertian serta pengajarannya. Hadith juga dikatakan tidak perlu kerana guru sendiri mampu bertemu secara langsung dengan Tuhan untuk menerima wahyu.

Pihak berkuasa telah berusaha mengambil berbagai langkah bagi membendung gejala ini dari terus merebak. Contohnya, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sendiri telah mengenal pasti dan memanggil individu yang bertanggung jawab secara langsung dengan penyebaran ajaran sesat untuk bermuzakarah serta memberi nasihat mengikut lunas-lunas Islam yang sebenarnya bagi mengembalikan kemurnian a^oqidah Islāmiyah yang telah diselewengkan. Pihak keselamatan juga telah melakukan pengawasan ke atas kawasan-kawasan yang terlibat serta para pengikut kumpulan ajaran sesat berkenaan.

Pihak JHEAT sentiasa berusaha mencari jalan untuk mengembalikan Ayah Pin dan pengikutnya ke pangkal jalan dengan cara memulihkan pegangan a^oqidah mereka

sebelum ini. Namun, pendekatan yang diambil oleh kumpulan Ayah Pin sejak akhir-akhir ini amat jahat sekali dengan mengaku bahawa mereka telah keluar dari Islam dan tidak ada kaitan lagi dengan mana-mana pihak berkuasa agama Islam di negara ini. Mereka menganggap akan terselamat dari mana-mana campur tangan pihak berkuasa dan seterusnya mereka bebas melakukan kegiatan mereka seperti biasa.

Bagi pihak berkuasa agama terutama JHEAT, usaha mereka tidak akan terhenti begitu saja hanya kerana dakwaan bodoh Ayah Pin dan pengikutnya. Usaha sedang dilakukan bagi menyeret mereka ke muka pengadilan bagi membicara kesalahan mempersenda-sendakan agama Islam. Namun begitu, siapalah JHEAT untuk menghapuskan ajaran ini tanpa bantuan dan kerjasama masyarakat. Semua pihak terus diseru berganding bahu membentaras penyelewengan °aqidah yang kian menjalar. Mesti diingat oleh semua individu dan masyarakat Islam bahawa mempertahankan °aqidah merupakan fardhu °ain dan siapa saja tidak terlepas dari tanggung jawab ini.

5.2 -SARANAN

5.2.1 –Kerajaan.

5.2.1.1. Pihak kerajaan mestilah mengadakan persefahaman dan penjanjian dengan negara-negara jiran. Kalau kes-kes ajaran sesat berlaku di negeri Terengganu, maka sudah menjadi suatu keperluan untuk mengadakan persefahaman dengan

negeri-negeri yang berjiran dengannya untuk mengenal pasti dan menangkap mereka yang diburu melarikan diri ke negeri-negeri yang bersebelahan dengannya.

5.2.1.2. Pihak berkuasa mestilah tegas dan teliti dalam mengawasi 'guru agama' yang bebas keluar masuk negeri. Mereka hanya dibenarkan mengajar jika diyakini ianya tidak terlibat dengan mana-mana ajaran songsang yang sedia ada mahupun ajaran baru yang dibawanya.

5.2.1.3. Pihak berkuasa mestilah selalu menyebarkan risalah-risalah ilmiah kepada masyarakat melalui saluran tertentu tetapi umum. Kesedaran dan kewajiban menjaga a^oqidah merupakan sesuatu yang mesti ditekankan kepada masyarakat supaya mereka tidak mudah diperdaya.

5.2.1.4. Pihak berkuasa hendaklah menyebarkan maklumat tentang usaha menyatikan masyarakat ini dengan jelas meluas kepada umum. Jika perlu, siarkan nama-nama individu yang terlibat supaya masyarakat dapat berwaspada dengannya.

5.2.1.5. Bilangan anggota atau pegawai yang tidak mencukupi sering juga menjadi alasan ke atas kegagalan pihak berkuasa dalam tindakan mereka. Oleh yang demikian, pihak berkuasa seharusnya berusaha menambahkan bilangan anggota bagi mengatasi kekurangan yang ada. Sukarelawan dari kalangan masyarakat

setempat juga boleh dilantik serta disediakan kepada mereka penerangan dan kursus pada kadar yang diperlukan. Organisasi 'pembasmi' seeloknya dibentuk dan sebahagiannya hendaklah diwakili oleh penduduk setempat.

5.2.1.6. Memperluaskan penyebaran °aqidah Islāmiyyah dengan memperbanyakkan ceramah dengan menggunakan setiap ruang dan kesempatan yang ada seperti menerusi media dan sebagainya.

5.2.1.7. Mengadakan kursus-kursus agama untuk masyarakat di setiap lapisannya. Kursus-kursus seumpama ini boleh diadakan di segenap tempat dengan menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada seperti di balai raya, surau, masjid dan sebagainya.

5.2.1.8. Pihak berkuasa juga hendaklah mengadakan program-program pemulihan kepada bekas pengikut kumpulan-kumpulan ajaran sesat supaya mereka tidak lagi kembali kepada ajaran yang sesat sebelumnya.

5.2.1.9. Wujudkan pasukan penyiasat sepenuh masa yang terlatih dan benar-benar diyakini dapat menjalankan tugas penyiasatan dengan baik sebagaimana Cawangan Khas dalam pasukan polis yang tidak terikat dengan prosedur pejabat, masa bertugas dan sebagainya.

- 5.2.1.10. Menggalakkan lebih ramai masyarakat setempat menyertai pasukan penguatkuasa syariah secara sukarela yang sentiasa sedia dikerah pada bila-bila masa jika berlaku sesuatu kes penyelewengan aqidah dan sebagainya.
- 5.2.1.11. Pihak berkuasa mestilah meletakkan garis panduan mengenai sesuatu ajaran tariqat. Ianya mestilah ditentukan samada ianya betul atau menyeleweng dari akidah sebenar sebelum ianya dibenarkan untuk menjadi amalan.
- 5.2.1.12. Pihak berkuasa juga mestilah mengadakan dan memperbanyakkan program pameran supaya masyarakat mengenali kumpulan-kumpulan ajaran sesat dari sudut identiti, isi kandungan ajaran, bahan bertulis, peralatan, kawasan operasi dan sebagainya di samping ianya menjadi bukti kesungguhan pihak berkuasa dalam menyelamatkan aqidah ummah.

5.2.2 -Orang awam.

- 5.2.2.1. Orang awam mestilah merasa bertanggung jawab untuk membentaras ajaran sesat. Mereka juga sepatutnya sedar bahawa mereka merupakan anggota seperti mata, telinga dan mulut pihak berkuasa yang berusaha untuk menghapuskan ajaran sesat daripada terus berkembang dan tersebar luas.

5.2.2.2. Mereka sepatutnya lebih berhati-hati dalam masalah mempelajari dan mendalami ilmu agama terutamanya dalam soal tauhid dan °aqidah. Sebarang masalah dan keraguan yang timbul mestilah dirujuk kepada alim ulama yang muktabar supaya tiada berlaku penyelewengan dan salah ajaran. Jangan sekali-kali mudah mempercayai seseorang yang bergelar 'guru tasawuf' atau 'guru tariqat' yang tidak diketahui asal usul tentang kedatangan dan pengajiannya.

5.2.2.3. Mereka mestilah mendekati dan menggauli orang alim yang boleh membantu dan menunjukkan arah yang lebih kepadanya dalam masalah agama. Peruntukan masa tertentu untuk bersama ulama demi kepentingan akhirat nanti. Jangan terlalu mengejar kemewahan dunia hingga lupa bahgiannya sesudah mati.

5.2.2.4. Orang awam dan masyarakat secara umumnya mestilah berazam dan berusaha bersungguh-sungguh dalam menghapuskan pengaruh ajaran sesat yang boleh membinasakan °aqidah umat Islam. Usahlah diperbesarkan persoalan-persoalan yang tidak perlu dan boleh mengancam persefahaman yang terjalin.

5.2.3 -Pendakwah dan °ulama'.

5.2.3.1. Bergaul dengan orang awam. Menurut *al-Haddād* dalam *An-Nasā'ih*, seeloknya bagi individu yang berilmu memperkatakan sesuatu yang berkaitan dengan

masalah hukum seperti masalah wajib, haram, sunat, dosa dan pahala dengan perumpamaan dan ibarat-ibarat yang senang difahami apabila mempunyai kesempatan berbicara dengan orang-orang tidak berilmu atau tidak mempunyai pengetahuan tentang selok belok agama.

5.2.3.2. Orang yang berilmu pula mestilah menyedari hakikat bahawa orang jahil itu tidak mengetahui tentangnya. Berkemungkinan akan timbul persoalan-persoalan yang remeh temeh atau percanggahan serta penentangan secara tidak langsung akibat kejahilan mereka. Orang awam yang jahil memang terpengaruh dengan tabiat mempermudah-mudahkan urusan beragama serta mereka lebih senang menyerah kepada Allah s.w.t. dalam banyak urusan seperti ibadat, dosa, pahala dan sebagainya yang berkaitan. Lantaran itu orang yang alim tidak sepatutnya membiarkan mereka terus menerus dengan keadaan yang sedemikian atau menambahkan lagi kejahilan yang ada. Bahkan, penerangan demi penerangan mestilah dicurahkan kepada mereka dengan tujuan membimbing mereka agar dapat mengubah keadaan dan suasana yang lebih baik.

5.2.3.3. Individu yang alim juga boleh menggunakan teknik ujian tidak langsung yang tidak melampau dan tidak menyinggung perasaan orang awam. Melalui ujian secara tidak langsung inilah dapat diketahui samada mereka ragu atau yakin terhadap sesuatu. Reaksi dan variasi mereka juga perlu diketahui dengan jelas jika bertujuan untuk mengubah keadaan.

5.2.3.4. 'Alim 'ulama' mesti berperanan dan mengendalikan agenda dan program pengajaran terhadap orang awam. Hati-hati mereka mesti dijinakkan dengan urusan keagamaan di samping menanamkan rasa takut kepada ancaman-ancaman Allah s.w.t. Hendaklah diperjelaskan kepada mereka tentang bahaya syirik, kufur dan sempamanya serta akibat tidak mendapat keredhaan dan keampunan dari Allah s.w.t.¹

5.2.3.5. Menyatakan dan menyuruh ke arah kebaikan dan kebenaran serta mencegah kemungkaran (amar ma'ruf dan nahi munkar). Inilah salah satu kunci kejayaan sesebuah masyarakat. Kemungkaran dan kemaksiatan yang dibenarkan atau tidak ditegur dengan teguran yang sewajarnya umpama api di dalam sekam. Makin lama ianya semakin membarah, parah dan tiada lagi ubat yang mujarab selain dari menanti bala Allah menimpa mereka pada bila-bila masa dikehendaki-Nya.

Firman Allah dalam surah Āli-Imrān ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

¹ Prof Dr. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Kriteria Antara Sunnah dan Bid'ah*, P.T. Bulan Bintang, Jakarta, 1983, hal: 125-126

Maksudnya: "Hendaklah ada segolongan dari kamu orang-orang yang menyeru manusia kepada agama Allah, menyuruh melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran. Merekalah sebenarnya orang-orang yang mendapat kemenangan".

Firman Allah dalam surah Āli-Imrān lagi ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ
وَآكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: "Kamu adalah sebaik-baik ummat yang telah dikeluarkan kepada manusia, menyuruh kepada kebaikan, mencegah kemungkaran. Merekalah sebenarnya orang-orang yang mendapat kemenangan".

- 5.2.3.6. Menjauhkan diri dari perkara-perkara yang merosakkan orang awam. °Ulama tidak seharusnya mendahulukan perkara-perkara yang boleh meragukan pemikiran orang awam kerana tahap pemikiran keagamaan mereka masih rendah. Mereka tidak mampu memikirkan perkara-perkara yang berat persoalannya seperti bersuluk, mujahadah, zuhud dan scumpamanya yang hanya mampu dilakukan oleh individu yang terdidik serta terlatih secara khusus.

5.2.3.7. Mengamalkan kesabaran dalam erti kata sabar yang sebenarnya. Terdapat tujuh puluh tempat di dalam al-Quran yang menyebut perkataan 'sabar'. Bilangan yang banyak itulah mengingatkan kita serta menarik perhatian hamba tentang kepentingan dan ketinggian darjatnya di sisi Allah s.w.t. Al-Quran menjadikan berpesan-pesan dengan kesabaran dan berpesan-pesan dengan kebenaran sebagai asas kejayaan dan keuntungan *duniawi* dan *ukhrawi*. Sabar yang dimaksudkan ialah kekuatan menetapkan diri dalam menanggung penderitaan dan menetapkan diri di atas kebenaran dengan menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syari^oat.²

5.2.3.8. Para ulama mesti bersatu berganding bahu dalam membentasi gejala ini agar ianya tidak akan berleluasa lagi atau dapat dilenyapkan terus. Kepentingan terhadap agama Islam mestilah diutamakan daripada kepentingan-kepentingan duniawi yang lain. ^oUlama tidak perlu bertengkar sesama sendiri kerana perbezaan prinsip yang dicipta sendiri. Keikhlasan kepada Allah mestilah diletakkan di hadapan segala niat lain. Pertelingkahan di kalangan ^oulama akan melemahkan perpaduan masyarakat Islam dan membuka ruang kepada pemerintah mentadbir mengikut hawa nafsu mereka tanpa ditegur oleh sesiapa.

² Prof Dr. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Op.cit*, hal: 134